

**Dr Dzulkefly: PAS tak jangka pilihan raya tahun ini**  
**Malaysiakini.com**  
**August 10, 2011**

PAS akan terus mempersiapkan semua jenteranya untuk menghadapi pilihan raya ke-13 walaupun percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak akan membubarkan Parlimen pada tahun ini.

Menurut Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan PAS, Dr Dzulkefly Ahmad, BN dijangka terpaksa menangguhkan pilihan raya umum daripada diadakan tahun ini kerana kemelut ekonomi yang sedang meruncing di seluruh dunia.

"Cakap-cakap yang PM akan adakan pilihan raya mengejut tahun ini saya rasa tidak munasabah lagi kerana para penganalisis politik dan ekonomi hanya menjangkakan krisis ini akan pulih tahun depan.

"Seperti telahan ramai pihak penganalisis dan pundit politik, saya sukar meramalkan Najib akan berani membuat pilihan raya mengejut dalam bulan September.

"Permintaan global akan menguncup dan pertumbuhan ekonomi negara juga terjejas kerana penguncupan permintaan global. Saya yakin PM tak akan buat pilihan raya umum," kata Dr Dzulkefly yang dipetik Harakahdaily.

Organ rasmi PAS itu juga memetik beliau berkata Bursa Malaysia sedang mengalami kemerosotan RM91 bilion dalam tempoh lapan hari lalu berdasarkan rekod yang diperolehi pada jam 10 pagi ini.

Kedudukan panik kini melanda seluruh dunia khususnya di Eropah dan Amerika berikutan penerapan hutang negara itu yang memberikan kesan kepada bursa saham seluruh dunia.

### **Keruntuhan ekonomi global**

Sejak beberapa hari lalu pasaran saham utama Asia di Tokyo, Taipei, Shanghai dan juga Sydney juga terus merudum. Bursa Malaysia juga mengalami penguncupan sejak Jumaat lalu.

Indeks Dow Jones Amerika Syarikat dilaporkan jatuh 4.1 peratus dalam masa 10 hari - kejatuhan terbesar sejak tahun 2008 manakala indeks FTSE London pula susut RM245 bilion sejak seminggu lalu.

Berikutan itu juga, mata wang Euro merosot dengan mendadak dan dilaporkan hampir lumpuh.

Perkara itu diburukkan lagi dengan rusuhan di kota London yang bermula dengan protes kecil Sabtu lalu apabila seorang remaja kulit hitam ditembak mati tetapi kini merebak ke bahagian lain di ibu negara Britain itu.

Justeru, kata Dr Dzulkefly yang juga adalah ahli parlimen Kuala Selangor, keruntuhan ekonomi global itu juga akan menyebabkan eksport Malaysia, khususnya petrol terjejas dan pendapatan negara berkurangan.

Kesannya bakal ditambah-buruk lagi apabila harga komoditi makanan beras, gandum, gula terus meningkat akibat permintaan yang tinggi.

Suasana ini dikatakan akan menghimpit perdana menteri dengan suasana serba salah untuk mengadakan pilihan raya umum tahun ini.

"Tetapi kini dengan krisis ini ia (cadangan membubarkan parlimen) akan tergendala..., ia bakal menjadi mimpi ngeri untuk Najib (jika pilihan raya umum diadakan tahun ini)," katanya.

<http://www.malaysiakini.com/news/172590>